



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“MENANGKIS DAKWAAN TEORI KONSPIRASI”

Tarikh Dibaca :

30 SYAWAL 1442H/

11 JUN 2021M

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهَةٌ بِكَمَالِهَا وَأَنْوَاعِهَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“MENANGKIS DAKWAAN TEORI KONSPIRASI”

30 SYAWAL 1442H / 11 JUN 2021

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا
تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا
عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ 77

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Menangkis Dakwaan Teori Konspirasi”**.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada semua agar terus mematuhi garis panduan dan S.O.P pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Masyarakat juga disaran agar segera mendaftar untuk suntikan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Mudah-mudahan dengan usaha kita ini akan dapat menyelamatkan kita dari wabak penyakit yang berbahaya ini.

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Semenjak negara dan dunia dilanda badai pandemik Covid-19, sehingga ke hari ini, media-media massa terutamanya media sosial dihujani dengan ledakan variasi teori konspirasi serta dakwaan yang berlebih-lebihan oleh sebahagian golongan yang tidak bertanggungjawab terhadap situasi pandemik ini. Kerajaan serta rakyat bukan sahaja terpaksa berperang dengan situasi pandemik, bahkan terpaksa berperang juga dengan “infodemic” yang kian berleluasa di media sosial. Persepsi atau pemahaman yang menyatakan bahawa wabak Covid-19 sebagai suatu konspirasi, berpotensi menimbulkan kerosakan dalam kehidupan bermasyarakat dan juga bernegara. Ambillah iktibar dari firman Allah SWT yang telah dibacakan pada awal khutbah sebentar tadi menerusi Surah al-Maaidah ayat 77 yang bermaksud:

“Katakanlah (Muhammad), “Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu berlebih-lebihan dengan cara yang tidak benar dalam agamamu. Dan janganlah kamu mengikuti keinginan orang-orang yang telah tersesat dahulu dan (telah) menyesatkan banyak (manusia), dan mereka sendiri tersesat dari jalan yang lurus”.

Dalam Kitab *Takmilatu al-Ma’ajim al-Arabiyah*, “konspirasi” bermaksud kesepakatan khusus dengan melakukan sesuatu kejahatan melawan pemerintah atau suatu negara. Dalam erti kata lain, konspirasi merupakan suatu bentuk tipu daya dengan melakukan perbuatan permusuhan kepada satu hukum, negara atau peribadi yang dilakukan secara tersembunyi serta tindakannya direncanakan dengan sebaik-baiknya.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Persoalannya, benarkah wujud konspirasi terhadap peristiwa wabak yang telah banyak meragut jiwa manusia pada suatu masa seperti wabak Covid-19 yang menimpa dunia ketika ini? Atau wabak tersebut benar-benar terjadi tanpa ada konspirasi jahat di sebaliknya?

Bagi menjawab segala persoalan yang hangat diperkatakan tentang teori konspirasi Covid-19 ini, sebagai seorang muslim tentu tidak terhad melihat hal tersebut sebagai bencana semata-mata, namun hendaklah memandang musibah ini sebagai suatu ketetapan Allah SWT yang berlaku kepada manusia dan bumi serta alam semesta. Apabila merujuk kepada nas-nas syar'ie, maka peristiwa-peristiwa menuju fitnah akhir zaman merupakan peristiwa yang bersifat global yang bukan hanya tertimpa kepada sesuatu bangsa, satu negara atau satu kelompok, namun ia merangkumi seluruh umat manusia, bumi dan alam semesta.

Adapun andai angka kematian akibat wabak Covid-19 ini dianggap sebagai suatu konspirasi buat agama Islam serta seluruh umatnya, tentu sahaja yang menjadi korban ketika ini hanyalah dalam kalangan kaum muslimin. Realitinya tidak sedemikian. Wabak ini meragut sesiapa sahaja tanpa mengira apa jua agama, bangsa atau umur. Di negara kita, angka kematian yang dicatatkan sehingga 9 Jun 2021 telah melebihi 3,536 kematian. Bahkan, di negara-negara Eropah angka kematian yang disebabkan wabak ini juga telah mencatatkan jumlah yang sangat besar hingga mengalahkan jumlah kematian yang ada di negara-negara Islam. Sehingga 9 Jun 2021, jumlah kematian di seluruh dunia telah melebihi 3.7 juta kematian.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Khatib ingin mengingatkan para jemaah sekalian, janganlah kita mudah mempercayai tuduhan, dakwaan dangkal serta ramalan oleh sebahagian golongan tidak bertanggungjawab terhadap para alim ulama dan para mufti berkaitan dengan isu hukum larangan merentas negeri, penjarakan fizikal solat berjemaah di masjid dan di surau, serta isu halal atau haram vaksin. Hal ini semuanya telah dibincangkan oleh para alim

ulama dan para mufti dengan menggunakan kaedah fiqh serta tatacara pengistinbatan¹ hukum menggunakan al-Quran dan hadis. Tuduhan palsu dan dangkal terhadap alim ulama dan para mufti yang memfatwakan hukum-hakam, kononnya mengikut telunjuk serta dibayar oleh Yahudi Zionis adalah tidak benar. Tidakkah ini merupakan suatu malapetaka fitnah yang besar terhadap golongan cendekiawan Islam?

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Adapun isu berkaitan vaksin, kononnya hasil dari agenda illuminati² dan Freemason³ sama sekali tindakan yang membodohkan akal dan sengaja mencetuskan kegusaran masyarakat daripada mengambil vaksin. Andaian rambang dan ramalan sedemikian boleh mengakibatkan penyakit berjangkit ini tidak akan berkesudahan seandainya rakyat masih berdegil mempercayai berita-berita yang tidak sahih. Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa pihak kerajaan selaras dengan pendirian Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI kali Ke-10 yang bersidang pada 3 Disember 2020 telah mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ketetapan ini juga telah disembah maklum kepada Majlis Raja-Raja.

Sehubungan itu, rakyat Malaysia terutamanya umat Islam dituntut agar patuh dan memberi kepercayaan penuh kepada pihak kerajaan dalam menangani penularan pandemik Covid-19 menerusi pengambilan vaksin. Khatib ingin menegaskan juga kepada para jemaah, dalam isu pengambilan vaksin Covid-19 dan penetapan S.O.P berkaitan merupakan ketetapan yang diambil oleh pihak kerajaan dengan mengambil kira nasihat dan penjelasan dari pihak-pihak berautoriti yang lain. Pihak kerajaan bertanggungjawab memutuskan sesuatu keputusan yang paling mendatangkan *maslahah* (kebaikan) kepada seluruh rakyat setelah mendapatkan pelbagai pandangan

¹ Amalan mengeluarkan hukum atau keputusan berdasarkan al-Quran atau hadis tertentu. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

² Satu organisasi atau kumpulan rahsia yang dipenuhi misteri dan mitos yang diasaskan oleh Adam Weishaupt di Bavaria pada tahun 1776 dengan tujuan membawa perubahan kepada struktur spiritual dan politik. (Faizal Ariffin, *Strategi Adam Weishaupt Dalam Pembentukan Organisasi Politik Illuminati tahun 1776*, Jurnal Politikom Indonesiana, Vol. 3, No. 2, Disember 2018.

³ Pertubuhan rahsia Yahudi yang diasaskan oleh pendeta-pendeta Yahudi bertujuan untuk menegakkan kekuasaan dan kerajaan Zionis Yahudi. Mempunyai hubungan yang rapat dengan Gerakan Zionis Antarabangsa. (Zakaria @ Mahmud Daud, *Freemason Menurut Perspektif Islam* (1995), Universiti Malaya.

dan penjelasan dari pihak yang berkepakaran dan berautoriti. Hal ini juga bertepatan dengan kaedah fiqh yang masyhur:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالمَصْلَحةِ

Maksudnya: “*Urus tadbir pemerintah ke atas rakyat adalah terikat dengan masalah*”

Segala cubaan dan ujian merupakan sebahagian *sunnatullah* di muka bumi ini. Boleh jadi buruk pada pandangan dan pengetahuan manusia, hakikatnya merupakan suatu rahmat Allah SWT bagi mereka yang berusaha menghadapi ujian dan cubaan tersebut dengan sebaik mungkin maka rahmat Allah SWT diperolehi. Sedarilah, ketika Allah SWT menguji hamba-Nya dengan sesuatu yang tidak diingini, di situ juga Allah SWT membuka pintu-pintu rahmat-Nya dan kebaikan di sebalik ujian yang diturunkan tersebut.

Sidang Jemaah yang dimulihkan,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati penting yang dapat diambil sebagai pengajaran buat kita semua:

Pertama: Persepsi atau pemahaman wabak Covid-19 sebagai konspirasi mampu menimbulkan kerosakan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Kedua: Tuduhan serta dakwaan dangkal terhadap para alim ulama dan para mufti adalah suatu malapetaka fitnah yang besar terhadap golongan cendekiawan Islam.

Ketiga: Umat Islam dituntut agar patuh dan memberi kepercayaan kepada kerajaan dalam menangani penularan pandemik Covid-19 menerusi pengambilan vaksin.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Taghabun ayat 11

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

(۱۱)

Maksudnya: “Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةَ أَمِينَةَ مِيمُونَةَ إِسْكَندَرِيَّةَ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.